



MAKLUMBALAS MEDIA

MAKLUMBALAS KENYATAAN TIMBALAN PRESIDEN CUEPACS BERHUBUNG SEMAKAN SEMULA PELARASAN ELAUN PERUMAHAN WILAYAH DAN BAYARAN INSENTIF WILAYAH

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Presiden II, Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Encik Zainal Ismail berhubung semakan semula pelarasan Elaun Perumahan Wilayah dan Bayaran Insentif Wilayah.

JPA ingin menjelaskan Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan penjawat awam melalui pemberian elaun-elaun yang dapat membantu meringankan keperluan sara hidup penjawat awam. **Pemberian Elaun Perumahan Wilayah (EPW)** kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah merupakan bantuan perumahan di mana **kadar ditetapkan berdasarkan purata kadar sewa pasaran mengikut lokasi yang diperakukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan**. Penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada bandar atau kawasan di mana letaknya pejabat pegawai.

Oleh yang demikian, apabila seseorang pegawai yang berasal dari Sarawak bertukar pejabat di wilayah lain, maka pegawai layak dibayar EPW dengan kadar yang telah ditetapkan mengikut lokasi pejabat pegawai berada. Sebagai contoh, Pembantu Tadbir Gred N19 yang bertugas di Kuching bertukar wilayah ke Putrajaya, maka pegawai akan

menerima EPW dengan kadar RM500 berbanding RM300 kadar ITP yang dinikmatinya semasa bekerja di Kuching.

Bayaran Insentif Wilayah (BIW) pula adalah bagi membantu meringankan kos sara hidup pegawai yang bertukar wilayah dan juga dinikmati oleh pegawai berasal dari Sabah dan Sarawak yang bertugas di wilayah asal masing-masing. Kadar BIW adalah dibayar berdasarkan peratusan tertentu iaitu di antara 12.5 peratus hingga 22.5 peratus yang ditetapkan berdasarkan lingkungan gaji seseorang pegawai. Peratus BIW lebih tinggi diberikan kepada pegawai di lingkungan gaji yang lebih rendah selaras dengan keperluan dan kebajikan pegawai. Sebagai contoh, Pembantu Tadbir Gred N19 yang menerima gaji RM1,952 sebulan akan menerima BIW pada kadar 20% dari jumlah gajinya. Namun, apabila gaji pegawai meningkat kepada RM2,252, pegawai akan menerima BIW pada kadar 17.5% dari jumlah gajinya. Amaun BIW yang dibayar kepada pegawai ini akan meningkat setiap tahun apabila pegawai menerima pergerakan gaji tahunan.

Kajian penambahbaikan EPW dan BIW serta elaun-elaun lain dilaksanakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Namun, kebolehlaksanaan sesuatu penambahbaikan elaun adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 07 Ogos 2019
Tel : 03-8885 3096 / 3146 / 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (49)